

APA ITU MATLA' (مطلع) ?

Dalam ilmu Falak, matla' merujuk kepada kawasan yang berada pada jangka masa waktu terbit dan terbenam Matahari dan Bulan yang hampir sama atau berada dalam satu kawasan kesatuan pemerintahan (*wilayatul hukmi*). Terdapat juga pandangan yang keluasan matla' itu melibatkan negara yang berkongsi siang dan malam. Konsep ini digunakan terutamanya untuk menentukan had sempadan bagi pengesanan kenampakan Anak Bulan (Hilal).

Di Malaysia, konsep matla' diaplikasikan secara menyeluruh kerana negara mempunyai sempadan barat dan timur selebar 22°. Pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menetapkan lokasi Pulau Perak di Kedah digunakan sebagai titik rujukan paling barat, manakala lokasi Tanjung Atiam di Lahad Datu, Sabah digunakan sebagai titik rujukan paling timur dalam pengiraan parameter kenampakan Anak Bulan dan takwim Hijri Malaysia. Oleh itu, sekiranya Anak Bulan kelihatan di mana-mana negeri, keputusan tersebut akan diguna pakai di seluruh Malaysia. Kawasan yang merangkumi dari timur ke barat dalam konteks Malaysia dianggap sebagai satu matla' (*ittihad matla'*) berdasarkan konsep kesatuan pemerintahan.

Persoalan yang sering timbul dalam kalangan masyarakat ialah mengapakah ada perbezaan tarikh hari raya dan puasa antara Malaysia dengan Arab Saudi? Hal ini kerana kedudukan negara Arab Saudi yang lebih barat berbanding Malaysia memberikan peluang yang lebih tinggi untuk Anak Bulan kelihatan setelah Matahari terbenam di negara tersebut. Negara yang terletak lebih barat mempunyai peluang kenampakan Anak Bulan yang lebih tinggi kerana Matahari terbenam lebih lewat di kawasan tersebut mengikut masa global. Dalam tempoh masa sebelum Matahari terbenam, Bulan terus bergerak di orbitnya ke arah timur dan menjauh daripada Matahari. Keadaan ini menyebabkan elongasi dan umur Bulan meningkat, seterusnya menjadikan Anak Bulan lebih mudah kelihatan berbanding di kawasan yang lebih timur. Keadaan ini juga menyebabkan semakin ke barat sesebuah negara itu, maka semakin besar umur Bulan menjadikan Anak Bulan lebih mudah kelihatan. Tambahan pula, kenampakan Anak Bulan di negara Arab Saudi tidak boleh dijadikan justifikasi permulaan awal bulan di Malaysia kerana berada di luar matla' (*ikhtilaaf matla'*).

Dalam kaedah takwim Hijri, konsep matla' menjadi asas penting dalam penentuan awal dan akhir bulan Hijri dengan mengambil kira faktor geografi dan kenampakan Anak Bulan. Pelaksanaannya di Malaysia memastikan keseragaman tarikh ibadah di seluruh negara. Perbezaan tarikh yang berlaku dengan negara lain seperti Arab Saudi disebabkan perbezaan kedudukan geografi dan tafsiran negara berkenaan mengenai beberapa konsep kaedah takwim.

Kesimpulannya, pemahaman yang tepat terhadap konsep matla' dapat menjelaskan perbezaan penentuan tarikh ibadah serta mengelakkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat Islam.



جَابِتْرُ مُفْتِي سَرَاوَقْ
JABATAN MUFTI SARAWAK